

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : SISTEM PINJAMAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR (PEDULI SISWA)

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan implikasi kewangan Pinjaman Boleh Ubah Dalam dan Luar Negara dari 2017 hingga kini?
- b) Apakah kadar bayar balik untuk Pinjaman Boleh Ubah dari peminjam-peminjam yang sudah tamat belajar dan bekerja?
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan peminjam-peminjam membayar-balik dengan tuntas?

JAWAPAN:

- a) Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM16.6 juta. Selain itu TKWBNS bertanggungjawab untuk mengutip pinjaman yang telah diberikan kepada peminjam selepas tamat pengajian. Berikut adalah implikasi kewangan bagi tempoh 4 tahun seperti berikut:

PERKARA	2017	2018	2019	2020 (anggaran)
Pinjaman Boleh Ubah Dalam Negara (RM'juta)	29.92	32.87	28.74	27.5
Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara (RM'juta)	-	0.28	1.70	1.80
JUMLAH (RM'juta)	29.92	33.15	30.44	29.3

- b) Kadar Bayaran balik pinjaman adalah mengikut jumlah pinjaman yang diberikan berikut adalah jadual yang telah ditetapkan:

Jumlah Pinjaman	Bayaran Balik	Tempoh (bulan)
Kurang RM5,000	RM139	12-36
RM5,001 – RM10,000	RM157	32-64
RM10,001 – RM15,000	RM190	53-79
RM15,001 – RM20,000	RM209	72-96
RM20,001 – RM25,000	RM221	91-113
RM25,001 – RM30,000	RM239	109-131
RM30,001 – RM35,000	RM247	122-142
RM35,001 – RM40,000	RM261	134-154
RM40,001 – RM45,000	RM273	147-165
RM45,001 – RM50,000	RM283	159-177

- c) TKWBNS telah mengambil beberapa tindakan bagi memastikan peminjam-peminjam membuat bayaran balik tindakan tersebut seperti berikut:
- i. Peringatan bayaran balik dibuat melalui *sms blast* kepada semua peminjam pada setiap bulan;
 - ii. Peringatan melalui panggilan telefon bagi peminjam yang mempunyai tunggakan;
 - iii. Surat Berdaftar (6 bulan lepas tamat pengajian);
 - iv. Surat Peringatan (sebanyak dua (2) kali);
 - v. Penyerahan Notis Tanpa Prejudis;
 - vi. Notis Penyenaiaan Senarai Hitam;
 - vii. Penyenaiaan hitam maklumat kewangan peminjam dan penjamin yang gagal untuk membuat pembayaran di institusi kewangan;
 - viii. Lawatan ke premis tempat tinggal bagi kes peminjam tegar; dan
 - ix. Tindakan undang-undang melalui Penasihat Undang-undang Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENGUBAHSUAIAN RUMAH TERES KEPADA ASRAMA

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status garis panduan pengubahsuaian rumah teres kepada asrama?
- b) Adakah garis panduan tersebut akan membenarkan, mengehadkan atau menghalang pengubahsuaian tersebut?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali ;

Pada masa ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama semua PBT di Negeri Selangor masih dalam peringkat penelitian dan penyediaan (*drafting*) untuk mewujudkan Garis Panduan Penginapan Bukan Keluarga Di Bangunan Kediaman Negeri Selangor. Garis panduan ini adalah satu usaha untuk menangani isu pengubahsuaian rumah kepada asrama. Beberapa cadangan dan penambahbaikan telah diterima termasuk sama ada untuk membenarkan pewujudan asrama di kawasan kediaman, kawasan perindustrian atau komersial sahaja. Oleh yang demikian, sebarang polisi yang dibuat akan mengambil kira semua faktor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENCEMARAN AIR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah langkah Kerajaan Negeri untuk mencegah sumber air agar bekalan air bersih agar tidak tercemar?
- b) Senaraikan kerja baik pulih kawasan tadahan air dan simpanan air bersih di Selangor serta kos operasi tersebut bagi tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Pencemaran sungai merupakan isu yang kerap kali berulang dan ada di antaranya menyebabkan henti tugas loji pembersihan air. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah kawalan seperti berikut :
 - i) Mengadakan perbincangan dan tindakan susulan melalui dua (2) jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Selangor dan Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
 - ii) Melaksanakan dan mengemaskini inventori punca pencemaran di sungai-sungai dalam Negeri Selangor seperti Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang;
 - iii) Menjalankan pemantauan static dan pensampelan selama 24 jam di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contoh pemantauan kekeruhan di Sungai Sub dan Sungai Michu, Hulu Langat akibat daripada aktiviti pembangunan/kerja tanah tidak terkawal;
 - iv) Melaksanakan pembinaan stesen kuantiti dan kualiti sumber air. Bagi di lembangan sungai seperti Sungai Selangor dan Sungai Langat bagi melengkapi rangkaian stesen sedia ada.

- v) Menguatkuasa dan menjalankan pemantauan kawalan pencemaran melalui Peraturan-peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013 dan Peraturan Kemasukan dan Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012;
 - vi) meningkatkan pengambilan kakitangan penguatkuasaan bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan LUAS; dan
 - vii) Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara.
- b) Semuas kawasan tadahan dan empangan berada dalam kawasan yang telah digazetkan di bawah Jabatan Perhutanan dan LUAS. Pada masa kini, keadaan kawasan tadahan adalah terpelihara dan selamat daripada pencerobohan yang boleh mengakibatkan pencemaran air mentah. Air Selangor turut melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala dan pemantauan rapi di 7 empangan di Negeri Selangor. Air Selangor juga telah mengaktifkan semula beberapa kolam air bersih dan rumah pam yang tidak aktif di bawah perbelanjaan modal (CAPEX) 2019 untuk memastikan simpanan air bersih mencukupi sebelum diagihkan kepada pengguna. Senarai aset di bawah Program Pengaktifan Semula Kolam Air Bersih dan Rumah Pam adalah seperti berikut :

No.	Nama Aset	Wilayah
1.	Kolam Menara Kampung Bendahara	Gombak
2.	Kolam Air Bukit Lela A	Gombak
3	Kolam Air Bukit Lela B	Gombak
4.	Kolam Air Kepong Estate 10MG	Gombak
5.	Kolam Menara Pendamar Indah	Klang
6.	Kolam Sedut Pendamar Indah	Klang
7.	Rumah Pam Pendamar Indah	Klang
8.	Kolam Menara Cherakah Jaya	Klang
9.	Kolam Menara Taman Kota Bayu Emas	Klang
10.	Kolam Sedut Taman Kota Bayu Emas	Klang
11.	Rumah Pam Taman Kota Bayu Emas	Klang
12.	Kolam Sedut Taman Harmoni Indah	Hulu Langat
13.	Rumah Pam Taman Harmoni Indah	Hulu Langat
14.	Kolam Menara Taman Bangi Jaya	Hulu Langat
15.	Tangki Menara Lenggak Bukit 1	Gombak
16.	Tangki Menara Lenggak Bukit 2	Gombak

Air Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM25.35 Juta bagi kerja-kerja pengaktifan kolam-kolam air dan rumah pam tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : E-KASIH

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan pemohon yang telah berjaya memohon Ekasih?
- b) Nyatakan berapa permohonan yang diluluskan setiap bulan mengikut daerah?
- c) Apakah usaha kerajaan untuk menambahbaik proses permohonan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga **6 Mac 2020**, sebanyak **49,612** Ketua Isi Rumah (KIR) telah berdaftar di dalam sistem eKasih bagi Negeri Selangor.

Jadual 1: Statistik Pendaftar eKasih dan Status Miskin di Negeri Selangor sehingga 6 Mac 2020

STATUS MISKIN	MISKIN TEGAR	MISKIN	TERKELUAR	JUMLAH
	2,993	7,611	39,008	49,612

- b) Jumlah permohonan yang didaftarkan setiap bulan adalah mengikut borang yang lengkap diterima oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Kelulusan adalah bergantung kepada hasil lawatan verifikasi dan jumlah pendapatan garis kemiskinan (PGK) negeri Selangor yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) seperti di Jadual 2. Bagi bulan Januari 2020 sebanyak 1,462 permohonan eKasih telah didaftarkan di dalam sistem eKasih bagi Negeri Selangor. Jumlah mengikut daerah adalah seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 2: Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor

STRATA	PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) 2016 (RM BULANAN)			
	Miskin		Miskin Tegar	
	Isi Rumah	Per kapita	Isi Rumah	Per kapita
Bandar	1,038	258	630	153
Luar Bandar	951	223	626	143

Jadual 3: Jumlah Pendaftaran eKasih mengikut daerah Negeri Selangor bulan Januari 2020.

DAERAH	JUMLAH
GOMBAK	201
HULU LANGAT	44
HULU SELANGOR	128
KLANG	129
KUALA LANGAT	122
KUALA SELANGOR	207
PETALING	368
SABAK BERNAM	179
SEPANG	84
JUMLAH	1,462

- c) Antara usaha Pejabat Pembangunan Negeri Selangor di dalam usaha menambah baik proses permohonan eKasih adalah seperti berikut:
- i) Menyediakan borang daftar ringkas eKasih yang lebih mudah diisi. (**Lampiran 1**)
 - ii) Borang daftar ringkas diedarkan di Pusat Khidmat Masyarakat DUN dan Parlimen.
 - iii) Membuka kaunter eKasih di bahagian Pembangunan Luar Bandar (PLB) setiap Pejabat Daerah.
 - iv) Membuka kaunter eKasih mengikut permintaan Pusat Khidmat Masyarakat dan pejabat daerah pada hari Sabtu dan Ahad.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Hukuman bagi pembuangan sampah haram adalah kompaun sebanyak RM1000 dan sitaan lori. Hukuman ini adalah terlalu rendah dan didapati PBT kurang berkuasa apabila pesalah adalah diluar kawasan PBT. Adakah kerajaan berhasrat untuk menambahkan hukuman dan menguatkan kuasa PBT?

JAWAPAN:

- a) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri dalam tindakan untuk mewujudkan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor. Pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan pertemuan bersama pihak Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negera (JPSPN), KPKT (pada 28/11/2019) bagi memaklumkan hasrat Kerajaan Negeri.

Punca kuasa PBT untuk mengambil tindakan terhadap pembuangan sampah haram adalah berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil (UUK) Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap Tahun 2007. Berdasarkan draf awal, kenaikan hukuman yang lebih berat boleh dilaksanakan sebaik sahaja enakmen tersebut diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : KUALITI KEHIDUPAN KELOMPOK M40

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu meningkatkan kualiti kehidupan kelompok M40?
- b) Sejauhmanakah tahap keberkesanan dasar sedia ada dalam menjamin kualiti kehidupan kelompok M40 di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Kota Anggerik, Kerajaan Negeri prihatin kepada rakyat Negeri Selangor dengan mewujudkan program-program yang memberi fokus untuk meningkatkan taraf pendapatan dan kehidupan mereka. Di antara program pada masa kini yang dilaksanakan untuk membantu rakyat Negeri Selangor ialah Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Program IPR merupakan program jangka panjang yang bersifat holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan semata-mata, tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat yang terdiri daripada pelbagai golongan termasuklah M40. Program-program IPR yang disasarkan kepada golongan M40 bagi membantu menaikkan taraf pendapatan dan kehidupan mereka adalah seperti berikut:
 - a. Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar);
 - b. Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (IPT);
 - c. Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS); dan
 - d. Skim Rumah Selangorku (RSKU).

Selain daripada program IPR, terdapat pelbagai program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang dapat membantu menjana pendapatan rakyat sama ada dalam **sektor usahawan, pertanian, kesihatan dan juga pendidikan** yang boleh dimohon oleh golongan M40. Program-program penjanaan pendapatan rakyat ini ditawarkan kepada mereka yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Kerajaan negeri akan terus melakukan penambahbaikan terhadap program sedia ada dan merangka program-program baharu yang bersesuaian dan menepati keperluan semua lapisan masyarakat di Selangor, sesuai dengan gagasan Maju Bersama.

- b) Program dan dasar sedia ada Kerajaan Negeri dalam memperkasa taraf kehidupan golongan M40 adalah wajar dan mencukupi pada masa kini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, insentif dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat Selangor bukanlah dalam bentuk sumbangan tunai sekaligus semata-mata. Kerajaan Negeri memberikan 'joran' kepada rakyat untuk mereka kekal 'mengail' demi kelangsungan hidup dan seterusnya meningkatkan taraf pendapatan serta kehidupan mereka. Program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor dapat membantu menjana pendapatan rakyat sama ada dalam **sektor usahawan, pertanian, kesihatan dan juga pendidikan.**

Jika mengambil contoh, seorang usahawan mikro boleh meningkatkan pendapatan dan taraf kepada usahawan kecil melalui Program-Program IPR yang disediakan oleh Kerajaan. Usahawan ini boleh memohon Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) untuk mendapatkan bantuan peralatan, atau memohon Skim Hijrah Selangor untuk mendapatkan pinjaman kewangan. Melalui kajian yang dilaksanakan oleh Institut Darul Ehsan (IDE) pada tahun 2018, 92% responden dapat meningkatkan perniagaan selepas menerima bantuan peralatan DUMS manakala melalui Skim Hijrah Selangor pula, 85% responden berjaya meningkatkan pendapatan kasar perniagaan mereka. Kajian ini menunjukkan program-program IPR tersebut dapat menjamin peningkatan pendapatan kepada penerima-penerima IPR. Selain bantuan dan pinjaman, Kerajaan Selangor juga menyediakan program latihan kepada usahawan iaitu Latihan Usahawan IT yang dianjurkan oleh *Selangor Information Technology and e-Commerce Council* (SITEC). Melalui latihan ini, penerima IPR ini mampu melonjakkan perniagaan mereka melalui perniagaan secara e-dagang.

Program dan dasar Kerajaan Negeri sedia ada sesungguhnya menjamin kualiti kehidupan rakyat, termasuklah golongan M40. Ini dapat dilihat melalui statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku tahun ke-4 2019, yang menunjukkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Selangor meningkat daripada RM 4,646 pada tahun 2014 kepada RM 5,183 pada tahun 2016 iaitu dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 5.5%. Namun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH KAMPUNG TRADISI MELAYU

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan perancangan pengurusan sampah bagi kampung tradisi Melayu?

JAWAPAN:

- a) Kampung tradisi, bagan dan tempat-tempat yang tidak terletak di dalam kawasan operasi PBT secara prinsipnya tidak diberi perkhidmatan kutipan sampah dan pengurusan sampah oleh PBT. Namun, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa mengusahakan perkara pengurusan sampah di kampung-kampung luar kawasan operasi PBT khususnya kampung yang terletak di kawasan bandar bertujuan untuk mengelakkan kejadian longgokan sampah dengan menyediakan tong sampah di kawasan kampung-kampung yang berhampiran dengan jalan PBT. Tong sampah tersebut diletakkan di lokasi yang bersesuaian supaya lori sampah PBT dapat mengutipnya. Selain itu, bagi PBT yang berkemampuan dari segi kekuatan kewangan, kerja-kerja penyelenggaraan kawasan seperti di kawasan kampung telah distrukturkan, contohnya MBSA telah melantik kontraktor bagi kerja kutipan sampah domestik melalui tender terbuka.

Semasa pembentangan belanjawan tahun 2020, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar sejumlah RM6.85 juta diperuntukan bagi pengurusan sisa pepejal. Peruntukan yang pernah disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu kampung menguruskan sampah melalui PBT adalah seperti berikut:-

BIL.	PBT	BANTUAN PERUNTUKAN PENGURUSAN SAMPAH DI KAWASAN KAMPUNG			
		2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)
1.	MPKL	2,988,400.00	1,050,000.00	1,249,650.00	1,275,658.00
2.	MDHS	1,670,000.00	-	-	1,463,269.60
3.	MDKS	1,778,700.00	-	878,360.00	1,612,020.00
4.	MDSB	1,916,574.24	-	1,974,000.00	1,974,000.00

Selain itu juga, Ahli Majlis juga digalakkan membuat program gotong royong bersama-sama penduduk dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT sebanyak RM3,000 bagi PBT bertaraf daerah dan RM5,000.00 bagi PBT bertaraf perbandaran dan bandaraya kepada setiap Ahli Majlis bermula tahun 2018, bertujuan bagi menerapkan kesedaran dalam persekitaran yang bersih bagi aktiviti kawalan dan pencegahan wabak denggi atau gotong royong membersihkan kawasan persekitaran.

Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sejumlah RM500 ribu sebagai projek perintis kitar semula yang akan melibatkan beberapa buah kampung terpilih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : KEMUDAHAN WIFI

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan menaik taraf Wifi di kawasan luar bandar?

JAWAPAN:

- a) Memandangkan bahawa kontrak dengan penyedia perkhidmatan utama (Main Service Provider SP) akan berakhir pada Jun-2020, SMARTSEL bersama MBI dan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), telah memulakan perbincangan bagi menilai keberkesanan program ini dan seterusnya mengkaji model dan dasar baharu untuk pelan masa hadapan. Oleh yang demikian, peningkatan perkhidmatan, penaik tarafan dan penambahan hotspot & AP untuk Wifi Smart Selangor di kawasan luar bandar, akan dilakukan selepas model baru dan dasar yang lebih lestari dikenal pasti dan dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : CARA MENURUNKAN KOS PENGURUSAN SAMPAH

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos pelupusan sisa yang ditanggung oleh setiap pihak berkuasa tempatan?

JAWAPAN:

- a) Secara amnya jumlah sisa pepejal di Negeri Selangor telah meningkat disebabkan oleh pertumbuhan kawasan kediaman dan komersil yang baru sekali gus akan meningkatkan kos pengurusan dan pelupusan sisa pepejal. Sebagai usaha Kerajaan dalam mengurangkan kos pelupusan sisa pepejal di PBT, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan kepada PBT untuk melaksanakan dasar kitar semula dengan sendiri secara berperingkat supaya sisa yang boleh dikitar semula tidak terus dihantar ke tapak pelupusan untuk dilupuskan malah ia boleh digunakan semula sebagai sumber bahan mentah kepada industri seperti botol plastik, kaca, kertas dan sebagainya. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, PBT-PBT telah menyahut saranan kerajaan negeri ini dan masing-masing mengusahakan polisi bagi tujuan tersebut.

Contohnya:

i) MPSJ

- a) telah menjalankan program pengasingan sisa pepejal melibatkan medan selera awam bermula tahun 2008;
- b) melibatkan sekolah pada tahun 2013;
- c) melibatkan kawasan perumahan teres Bandar Bukit Puchong pada tahun 2014; dan
- d) melibatkan hotel (Hotel Grand Dorsett) dan satu pasaraya Giant pada tahun 2015

ii) MPS

- a) Melaksanakan pengasingan sisa pepejal untuk dikitar semula di Pejabat Kerajaan dan gerai Majlis di Bandar Baru Selayang bermula tahun 2015 dan 2016; dan

- b) Pada tahun 2017 melibatkan penduduk kawasan perumahan di Persiaran 2, Bandar Baru Selayang.

iii) MPK

- a) Telah memperkenalkan aplikasi digital iaitu ECOGAN KLANG bagi memudahkan penduduk mengetahui status tahap kitar semula yang telah dilaksanakan. Aplikasi ini turut membantu penduduk membuat penandaarasan dengan penduduk yang lain bagi mendapatkan pakej insentif yang disediakan oleh pihak MPK.

iv) MPAJ

- a) Mewujudkan Pelan Tindakan Teknologi Hijau MPAJ dalam tempoh 2015 sehingga 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN INDIA

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status program usahawan India, mengikut jenis perniagaan yang ditawarkan serta DUN yang berjaya mengikuti program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Progam Usahawan India ini terbahagi kepada tiga (3) bahagian merangkumi Dana Usahawan India Selangor (DUIS), *Get Rich Own Way (GROW)* dan Latihan usahawan yang dilaksanakan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Berikut perincian setiap bahagian;

i. Dana Usahawan India Selangor (DUIS)

Sejumlah 443 permohonan telah diterima bagi mendapatkan bantuan dana perniagaan yang mana dana tersebut akan digunakan untuk pembelian peralatan. Bantuan program ini sedang dalam proses perolehan. Berikut merupakan pecahan mengikut PBT:

BIL	PBT	PEMOHON YANG LAYAK
1	AMPANG	39
2	HULU SELANGOR	40
3	KAJANG	26
4	KLANG	79
5	KUALA LANGAT	80
6	KUALA SELANGOR	42
7	SUBANG JAYA	29
8	PETALING JAYA	7
9	SABAK BERNAM	13
10	SELAYANG	37
11	SEPANG	32
12	SHAH ALAM	19
JUMLAH		443

ii. **Get Rich Own Way (GROW)**

Program ini berbentuk bimbingan perniagaan kepada peserta yang tidak mempunyai pengalaman dalam perniagaan. Program ini akan dijalankan selama 3 bulan dan peserta akan mendapat bantuan peralatan mengikut pakej yang disertai setelah selesai mengikuti kursus tersebut. Berikut merupakan pecahan kursus:

Bil	Pakej	Syarikat Peneraju	Jumlah Peserta
1	RM2,000.00	Resh Hair Studio (Gunting rambut)	10 pax
3	RM3,000.00	Bwood Studio (Fotografi)	10 pax
		Sai Garments (Jahitan)	10 pax
		Casper Creative Solution (Kimpalan)	10 pax
	JUMLAH		40 PAX

iii. **Latihan Usahawan**

Program latihan ini terbahagi kepada 2 segmen iaitu latihan pengurusan dan kemahiran dan pembuatan. Perincian kursus adalah seperti berikut:

- Latihan pengurusan
Modul latihan ini memfokuskan kepada subjek pengurusan dan pengendalian perniagaan secara efisien, sistematik dan mengikut trend terkini.

TARIKH	TEMPAT	TAJUK	HADIR
5-6/10/19	Hotel Carlton	Pengurusan kewangan	36
17/11/19	Foyer SUK	<i>Business Model Canvas</i>	199
24/11/19	Politeknik Shah Alam	Pemasaran digital	74
30/11/19	Dewan Hamzah	Teknologi Pembungkusan Makanan	136

1/12/19	Dewan Hamzah	Kesedaran perniagaan	130
JUMLAH			575

- Latihan kemahiran dan pembuatan
Kursus kemahiran dan pembuatan merupakan satu program *one off* yang diberikan kepada peserta yang layak. Program ini dijalankan dengan kerjasama 12 PBT dengan pilihan modul perniagaan yang terkini.

BIL	TARIKH	PBT	TAJUK	PESERTA HADIR
1	29/11/19	MP SELAYANG	Kuih Tradisional	30
2	30/11/19	MDKS	Jambangan Bunga	25
3	15/12/19	MPKJ	Kuih Tradisional	25
4	21/12/19	MDKL	Jambangan Bunga	35
5	28/12/19	MPK	Ukiran Henna	35
6	29/12/19	MPPJ	Jambangan Bunga	30
7	27/01/2020	MPAJ	Ukiran Henna	44
JUMLAH				224

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : TIBI

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah kes TIBI yang berlaku di Selangor dari tahun 2015 hingga 2019 mengikut PBT.
- b) Nyatakan langkah-langkah kerajaan negeri yang dapat mengurangkan penyakit TIBI.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR
(N32 SERI SETIA)**

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Prestasi Terkini Pengerusi PeBT
- b) Mengapakah Masih Ada pengerusi PeBT Yang Tidak Aktif & Siapa Yang Harus Dipersalahkan
- c) Cadangan Untuk Menaikkan Elaun Pengerusi PeBT Supaya Mereka Lebih Pro Aktif & Bertanggungjawab

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bertujuan untuk melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa yang dapat menjadi ejen perubahan kepada golongan belia di Negeri Selangor serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Perancangan sesuatu program pembangunan belia di bawah Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah berdasarkan kepada 10 teras yang terkandung di dalam Dasar Belia Negeri Selangor yang menjadi tonggak kepada pembangunan belia yang mampan. Pencapaian sesuatu program itu dinilai berdasarkan kepada kejayaan sesuatu pesanan atau *input* yang cuba disampaikan melalui program-program yang dilaksanakan dapat disampaikan kepada golongan sasaran dan seterusnya dapat diaplikasikan untuk pembangunan generasi muda Selangor.

Sehubungan itu, berdasarkan kepada Laporan Prestasi PeBT Sesi 2018/2020 bagi tahun 2019, ke semua Pengerusi PeBT Negeri Selangor telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Ini adalah berdasarkan pelaksanaan sebanyak 555 buah program secara keseluruhannya. Jumlah ini menepati 10 teras dari Dasar Belia Selangor.

Berikut adalah pecahan penilaian penganjuran mengikut teras-teras utama Dasar Belia Selangor :-

BIL	TERAS	JUMLAH PROGRAM	PERATUSAN
1.	Pendidikan & Latihan	34	6.1%
2.	Keusahawan & Pekerjaan	36	6.5%
3.	Kepimpinan & Organisasi	34	6.1%
4.	Teknologi Maklumat & Komunikasi	20	3.6%
5.	Kemasyarakatan, Jaringan & Kesukarelawanan	98	17.7%
6.	Kesejahteraan & Kesihatan	48	8.46%
7.	Sukan & Kecergasan	181	32.6%
8.	Agama & Akhlak	41	7.4%
9.	Kebudayaan & Kesenian	45	8.1%
10.	Pengantarabangsaan	18	3.2%
JUMLAH		555	

Selain itu, PeBT juga telah mengambil inisiatif untuk lebih mendekati golongan generasi muda yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi dengan melaksanakan program di peringkat IPTA/IPTS. Di antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- i. Program Seminar Jenayah Seksual, Pedofilia & Pornografi di UNISEL Shah Alam;
- ii. Bengkel Pengucapan Awam dan Retorik Komunikasi di SMK Telok Panglima Garang; dan

iii. Program Pertukaran Budaya Antarabangsa PeBT MPKJ di AIESEC UNMC Sempena Bulan Kemerdekaan.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa menambahbaik prestasi PeBT bagi memastikan teras-teras utama pembangunan belia dapat dipraktikkan ke peringkat akar umbi. Kerajaan Negeri kini dalam tindakan untuk menambahbaik Garis Panduan PeBT selaras dengan kehendak generasi muda pada masa kini.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah melaksanakan lantikan Pengerusi PeBT bagi sesi 2018/2020 melalui proses temuduga yang telah dilaksanakan di peringkat PBT. Proses temuduga ini melibatkan Ahli Dewan Negeri kawasan, Ahli Majlis Zon kawasan, wakil dari PBT dan wakil MSN Selangor dimana proses tapisan dibuat disana dan hanya calon yang berjaya dilantik sebagai PeBT bagi sesi 2018-2020.

Namun begitu, masih terdapat pengerusi PeBT yang tidak aktif memandangkan Pengerusi PeBT terdiri daripada pelbagai latar belakang dan mempunyai kerjaya di bidang masing-masing. Kita tidak menafikan dalam 288 pengerusi PeBT yang telah dilantik, terdapat sebilangan kecil yang tidak konsisten dan juga tidak aktif. Faktor pertama adalah disebabkan kekangan masa oleh Pengerusi PeBT kerana ada di kalangan mereka bekerja lebih masa dan di luar kawasan. Ini sedikit sebanyak merencatkan penglibatan mereka dalam melaksanakan aktiviti atau tugas selaku Pengerusi PeBT.

Selain itu, terdapat di kalangan Pengerusi PeBT yang tidak banyak bekerjasama dengan Ahli Dewan Negeri atau Ahli Majlis PBT. Akan tetapi mereka masih terlibat dalam program-program di luar kawasan atau zon mereka dan program-program anjuran Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berharap Pengerusi PeBT akan terus bekerjasama dengan Ahli Dewan Negeri atau Ahli Majlis PBT untuk sentiasa bergiat aktif di kawasan dan terlibat dalam penganjuran bersama.

Dalam soal keaktifan PeBT ini, kerajaan Negeri Selangor sentiasa melihat ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa selari dengan Dasar dan Visi Belia Negeri Selangor iaitu 'Membangunkan sepenuhnya potensi belia bagi memastikan penglibatan aktif, adil dan saksama di negeri Selangor'.

- c) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan bermula pada tahun 2009 sebagai agen penggerak kepada pembangunan Negeri dengan jumlah keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM2,764,800.00. Justeru itu buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) seperti tahun-tahun sebelum ini di mana setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diperuntukkan sebanyak RM120,000.00 yang menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan program adalah sebanyak RM1,440,000.00 untuk semua PBT bagi menjalankan program-program PeBT yang telah dirancang. Untuk makluman, peruntukan tersebut akan disalurkan kepada PBT di mana PBT dikehendaki untuk memantau dan merancang pelaksanaan program PeBT masing-masing untuk memastikan pelaksanaan program adalah sebagaimana yang telah dirancang. Di samping itu, PeBT juga boleh melaksanakan program-program PeBT secara gabungan dengan zon-zon yang lain bagi mendapatkan impak program yang lebih berkesan dan mendapat sambutan daripada masyarakat setempat.

Seterusnya, peruntukan elaun Penggerak Belia Tempatan (PeBT) juga masih dikekalkan iaitu sebanyak RM500.00 sebulan untuk elaun Pengerusi Induk PeBT dan RM400.00 sebulan untuk elaun Pengerusi PeBT yang menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan elaun adalah sebanyak RM1,324,800.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah peruntukan PWB dihadkan sebahagian kepada "Capacity Program" semata-mata?
- b) Apakah perancangan supaya lebih agihan peruntukan kepada program komuniti dapat yang kini hanya berbaki sekitar RM20k setahun berbanding RM30k sebelum ini?
- c) Adakah perancangan untuk kembalikan program mamogram dibawah pengurusan PWB?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan PWB dihadkan sebahagian kepada Program Pembinaan Kapasiti kerana pada tahun 2019, bilangan pelaksanaan program Pembinaan Kapasiti di komuniti DUN kurang memuaskan iaitu daripada sejumlah 1318 program dilaksanakan di 56 DUN, sebanyak 399 program Pembinaan Kapasiti sahaja dilaksanakan berbanding 919 program Kemahiran. Taburan pelaksanaan program Pembinaan Kapasiti di 56 DUN juga tidak seimbang. Program Pembinaan Kapasiti juga program untuk memberdaya wanita di komuniti dari sudut ilmu pengetahuan undang-undang, kefahaman gender, tata kelola baik, kesihatan wanita dan keluarga, pengurusan kewangan dan lain-lain. Sesuai dengan tema Hari Wanita iaitu 'Seimbang Untuk Sejahtera' dan 'Setara Untuk Semua', maka program-program anjuran Pusat Wanita Berdaya juga mestilah seimbang di antara dua (2) jenis modul iaitu Modul Kemahiran dan Modul Pembinaan Kapasiti.
- b) Merujuk jawapan (a), peruntukan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di setiap DUN adalah sejumlah RM40,000.00 untuk melaksanakan dua (2) jenis modul iaitu Modul Kemahiran dan Modul Pembinaan Kapasiti. PWB DUN berhak menentukan jenis program yang ingin dilaksanakan, namun mestilah berpandukan kepada

modul yang disediakan dan membelanjakan peruntukan yang diberikan secara berhemah.

- c) Program mamogram adalah program yang dikendalikan oleh Yayasan Anak Warisan Selangor (YAWAS) dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN. Walau bagaimanapun, Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN akan membantu membuat promosi dan mendapatkan peserta melalui program PWB yang dianjurkan. Program mamogram mempunyai peruntukan sedia ada dan dibantu oleh Pusat Khidmat DUN. Pelaksanaan program mamogram tidak dibenarkan menggunakan peruntukan PWB DUN bagi tujuan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PERTANIAN MODEN

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak kerajaan akan memperkenalkan kaedah pertanian moden kepada petani di tanah Gambut
- b) Apakah usaha kerajaan untuk menambahkan sumber makanan di Selangor
- c) Berapakah jumlah petani yang telah terlibat dalam *plant factory* dan apakah keberkesannya terhadap sektor pertanian

JAWAPAN:

- a) Bagi kawasan pertanian di tanah gambut, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian memperkenalkan kaedah pertanian moden dan konvensional. Antaranya menyesuaikan jenis tanaman dengan keadaan tanah seperti tanaman nenas, kontan dan sayur-sayuran. Selain itu pemulihan tanah dengan kaedah pengapuran bagi mengurangkan masalah tanah berasid dan membuat saluran bagi memastikan kandungan air dalam tanah mencukupi bagi mengelakkan kebakaran di tanah gambut. Sisa kebun perlu dibuat baja kompos bagi memulihkan nutrien dalam tanah. Bagi kawasan tanah gambut yang bermasalah, petani disyorkan untuk menggunakan kaedah tanaman secara fertigasi.
- b) Bagi menambah sumber makanan di Selangor, Kerajaan Negeri telah menggunakan pendekatan pembangunan kawasan pertanian secara kluster. Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam merupakan kluster bagi pertanian memandangkan daerah-daerah ini masih mempunyai kawasan pertanian yang luas. Terdapat 12 jenis tanaman tumpuan yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi dibangunkan di kawasan kluster. Pembangunan contract farming, ternakan ikan seperti ikan kelah, ikan susu dan udang kara juga diberi tumpuan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai bentuk insentif dan bantuan

bagi meningkatkan hasil dan pendapatan petani yang seterusnya meningkatkan sumber makanan di Selangor.

- c) Teknologi plant factory masih baru di Selangor. Di bawah bimbingan Jabatan Pertanian terdapat 5 petani terlibat dalam plant factory. Dalam sektor pertanian moden dan Revolusi Industri 4.0, plant factory berkesan bagi meningkatkan pengeluaran pertanian bagi kawasan yang terhad seperti di bandar, mengoptimumkan penggunaan sumber air dan menjimatkan masa. Jabatan Pertanian daerah Gombak-Petaling telah dijadikan sebagai pusat pengembangan pertanian moden seperti plant factory, nutrient film technique (NFT) dan fertigasi airhydropot untuk petani mendapatkan maklumat dan latihan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMBERHENTIAN KERJA SEKTOR AERO-ANGKASA

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah serta sebab pemberhentian pekerjaan dalam sektor Aero-Angkasa setiap tahun dalam tempoh 5 tahun lalu (2015-2019) ?
- b) Syarikat-syarikat yang terlibat di pemberhentian tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod Jabatan ini, tiada majikan sektor Aero-Angkasa yang melaksanakan pemberhentian pekerja dalam tempoh 5 tahun lalu (2015-2019)
- b) Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DAN PENGINDAHAN SUNGAI KLANG

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat sebarang rancangan bagi membangunkan dan mengindahkan Sungai Klang?
- b) Berapakah jarak yang dirancang untuk dilaksanakan perkara tersebut?
- c) Berapakah anggaran kos yang diperlukan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : KUTIPAN CUKAI PETAK

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran kutipan cukai petak untuk tahun 2020 dan 2019?
- b) Berapakah banyak telah dikutip sehingga sekarang untuk tahun 2020 dan jumlah kutipan untuk tahun 2019?
- c) Berapakah banyak jumlah keseluruhan telah dikutip sejak permulaan sehingga sekarang?

JAWAPAN:

- a) Terima kasih kepada YB. Banting yang bertanya, untuk makluman semua, sasaran kutipan cukai petak yang disasarkan oleh kerajaan negeri untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM37,085,000.00 meliputi cukai petak semasa sebanyak RM24,000,000.00 dan tunggakan cukai petak RM13,085,000.00. Manakala sasaran keseluruhan kutipan cukai petak untuk tahun 2019 pula adalah sebanyak RM38,910,000.00 yang merangkumi cukai petak semasa sebanyak RM30,000,000.00 dan tunggakan RM8,910,000.00.
- b) Sehingga 29 Februari 2020, jumlah sebenar kutipan cukai petak adalah berjumlah RM3,948,004.57 merangkumi kutipan cukai petak semasa sebanyak RM3,011,051.18 dan RM936,953.39 kutipan untuk tunggakan cukai petak. Manakala pada tahun 2019, sehingga 31 Disember 2019 jumlah keseluruhan kutipan cukai petak adalah sebanyak RM29,690,286.67 dengan pecahan kutipan meliputi RM18,325,335.93 adalah untuk kutipan cukai petak semasa dan RM11,364,950.74 untuk kutipan tunggakan cukai petak.
- c) Jumlah keseluruhan sebenar kutipan cukai petak bermula dari Jun 2018 sehingga 29 Februari 2020 adalah berjumlah RM49,306,780.77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KOMUNITI INDIA KG FAJAR

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kg Fajar mempunyai kepadatan penduduk India yang tertinggi di DUN Hulu Kelang. Apakah syarat yang dikenakan oleh Kerajaan bagi mengiktiraf penyusunan komuniti India dengan pelantikan seorang ketua?

JAWAPAN:

- a) Sebagaimana Yang Berhormat Hulu Kelang sedia maklum, negeri Selangor Darul Ehsan merupakan sebuah negeri yang terdiri daripada 9 buah daerah dan mempunyai sebanyak 48 buah kawasan Komuniti India di mana setiap Ketua Komuniti Kaum India tersebut bertindak sebagai wakil di dalam menggerakkan hal ehwal pentadbiran berkaitan masyarakat India di kawasan / komuniti masing - masing. Penyusunan penempatan Ketua Komuniti India di sesebuah kawasan adalah ditentukan berdasarkan persetujuan bersama semua parti – parti yang terlibat mengikut jumlah komuniti kaum India di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri senantiasa peka untuk menambah baik tadbir urus melibatkan keperluan rakyat dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang, proses pelantikan Ketua Komuniti Kaum India (KKI) adalah secara lantikan terus mengikut senarai nama yang telah dipertimbang dan diluluskan oleh parti masing – masing mengikut kuota yang telah dipersetujui. Kriteria pemilihan setiap Ketua Komuniti India yang dilantik adalah seperti berikut :

- i. Ketua Komuniti Kaum India yang dilantik mestilah warganegara Malaysia yang berumur dalam lingkungan 30 – 65 tahun;
- ii. Ketua Komuniti Kaum India yang dilantik bukan kakitangan kerajaan dan tidak memegang sebarang jawatan dalam agensi kerajaan sama ada secara lantikan tetap / kontrak mahupun sambilan;
- iii. Ketua Komuniti Kaum India yang dilantik boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik;

- iv. Ketua Komuniti Kaum India yang dilantik wajib menjalani tapisan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), tapisan kebangkrapan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia dan tapisan rekod salahlaku oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang akan diselaraskan di peringkat daerah mengikut Pejabat Daerah Dan Tanah masing – masing dan sekiranya gagal, pelantikan tersebut akan terbatal dan digantikan dengan calon yang baharu namun tempoh perkhidmatan jawatan berkenaan kekal; dan
- v. Ketua Komuniti Kaum India yang dilantik perlu mematuhi arahan dan dasar – dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, mana – mana kawasan komuniti India yang tidak mempunyai KKI, adalah disarankan untuk berurusan dengan KKI di kawasan yang berhampiran sekiranya perlu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PEMAJU PERUMAHAN

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan terhadap pemaju yang tidak membuat serahan jalan dan kemudahan rekreasi kepada MDKS setelah kemudahan tersebut lengkap disiapkan?
- b) Kenapa berlaku kelewatan dalam membuat penyerahan?

JAWAPAN:

- a) Surat peringatan akan dikemukakan kepada pemaju untuk melakukan proses semakan kepada pihak Majlis Daerah Kuala Selangor bagi mana-mana kemudahan rekreasi kepada Majlis Daerah Kuala Selangor setelah kemudahan tersebut lengkap disiapkan.
- b) Proses penyerahan adalah bergantung kepada pihak pemaju kerana faktor-faktor berikut :-
 - i. Pemaju selalunya akan menyelesaikan urusan proses jual beli terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada pihak Majlis.
 - ii. Bagi projek yang melibatkan saiz perancangan dalam skala yang besar, kebiasaanya akan diserahkan serahan berperingkat mengikut kemajuan projek yang dijalankan oleh pihak pemaju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PELANCONGAN

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pelan tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk menghadapi tahun melawat Selangor tahun 2021?
- b) Senaraikan projek menaik taraf infrastruktur pelancongan mengikut PBT bagi tahun 2019 ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah bersedia untuk menjalankan aktiviti dan promosi sempena penganjuran kempen pelancongan Tahun Melawat Selangor 2021. Antara pelan tindakan yang telah dirancang adalah seperti yang berikut:
 - I. Mempelbagaikan sasaran pasaran pelancongan kepada kategori '*Short haul*' – *Destinasi pelancongan domestik dan Asia Tenggara*', '*Medium haul – Destinasi Pelancongan Asia, Australia & Afrika*' dan '*Long haul – Destinasi Pelancongan Eropah, Amerika Utara dan Amerika Selatan*'.
 - II. Tumpuan utama kepada sektor pelancongan alam semulajadi (*eco*), sukan, perubatan, pendidikan, pelayaran mewah dan agro.
 - III. Menganjurkan kempen pengiklanan melalui platform digital dan atas talian (*Online*).
 - IV. Mempergiatkan penganjuran kempen promosi dalam negara dan luar negara serta meneroka pasaran baru seperti Rusia, Indonesia dan Australia.
 - V. Pembangunan produk pelancongan klusterisasi yang memfokuskan kepada Pelancongan Eko, Pertanian, Sukan, Perubatan, Pendidikan dan Pelayaran Mewah.
 - VI. Penganjuran Acara Pelancongan berskala antarabangsa pada setiap bulan dan sepanjang tahun.

- VII. Program usahasama bersama penggiat industri pelancongan seperti Hotel, Agensi Pelancongan, Media, Syarikat Penerbangan.
- VIII. Mengemaskini direktori pelancongan mengikut *trend* dan perkembangan pelancongan terkini.
- IX. Mempromosikan pakej pelancongan bersepadu seperti 'Experiential Tourism' pakej melalui program Latihan Hos Komuniti Selangor.
- X. Memperkenalkan penjenamaan kempen, fokus, sasaran dan senarai penganjuran program promosi sepanjang Tahun 2020 (bermula pada bulan April 2020) dan sepanjang Tahun 2021.
- b) Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan telah memperuntukkan dana sebanyak **RM1.5 juta** bagi tujuan menaik taraf projek-projek kecil pelancongan di dalam Negeri Selangor.

Untuk makluman semua Ahli Dewan Negeri, Kerajaan Negeri tidak mempunyai senarai projek menaik taraf infrastruktur pelancongan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2019 kerana pada tahun tersebut Kerajaan Negeri memfokuskan kepada projek menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat di Bukit Fraser dan 2 projek kecil yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM1.393** juta bagi projek-projek yang dinyatakan seperti berikut:

BIL	PROJEK	LOKASI	AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM)
1.	Menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat. Status: Masih dalam proses menaik taraf. Dijangka akan selesai pada tahun 2020	Bukit Fraser, Majlis Daerah Hulu Selangor	Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor	1,300,000.00
2.	Menaik taraf Paparan <i>Digital Display Board</i> di Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz. Status: Selesai	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Klang	Tourism Selangor Sdn. Bhd.	30,000.00

BIL	PROJEK	LOKASI	AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM)
3.	Kerja-kerja Menaik taraf Kolam Air Panas di Jalan Kachau Kg. Pasir Baru Mukim Semenyih. Status: Selesai	Semenyih, Hulu Langat	Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat	63,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				1,393,000.00

Bagi Kerja-kerja menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat di Bukit Fraser, kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf masih lagi berjalan dan kini berada di fasa pendawaian kabel elektrik dan urusan pemasangan perkakasan dalaman.